







mengeratkan lagi kerja-kerja penyelidikan.

- c. Meningkatkan usaha-usaha lain yang perlu dilaksanakan dalam waktu terdekat untuk menggalakkan penyelidikan, di antaranya ialah mengundang para peneliti tamu dan penulis naskhah tamu dari negara lain, penggalakkan kegiatan penyelidikan, penyediaan katalog-katalog, penulisan disertasi, dan penerbitan jurnal filologi secara berkala.

### Latihan Ilmiah

Sebanyak dua tesis latihan ilmiah diterima oleh Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, dalam tempoh tiga bulan lalu. Kedua-dua tesis tersebut dikemukakan untuk memenuhi syarat memperoleh ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis pertama ialah berjudul *Syair Bujang Perempuan dan Syair Pelajaran : satu kajian teks* (Mal. Pol 107) oleh Norzuraini bt Abdul Aziz. Manuskrip asalnya tersimpan di Bibliotheque Nationale Paris. Perpustakaan Negara Malaysia menyimpannya dalam bentuk mikrofilem. Tumpuan kajian beliau ialah meliputi penggunaan bahasa Melayu lama dan pengaruh perkataan asing yang digunakan. Manuskrip ini membincangkan tentang kesedihan dan kerinduan seorang lelaki kerana kematian isterinya. Manakala dalam *Syair Pelajaran* pula membincangkan pesanan seorang ibu kepada anaknya tentang kepentingan menimba ilmu pengetahuan.

Tesis kedua pula ialah *Syair Burung dan Syair Tamsil: satu analisis teks* (Mal. Pol 245) oleh Hasnina Jaafar. Naskhah asal terdapat di Bibliotheque National Paris. Salinan mikrofilemnya tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia. Tumpuan kajian beliau ialah kepada beberapa fakta tentang kandungan kedua-dua syair tersebut. Beliau juga cuba mengkaji beberapa bentuk ejaan jawi klasik yang terdapat di dalam manuskrip tersebut. Manuskrip ini membahaskan tentang kepentingan mencari ilmu pengetahuan dan persoalan kematian. Ditekankan juga tentang kewajipan sembahyang fardhu terhadap orang Islam.

Kedua-dua mahasiswa adalah dari Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<b>Penaung:</b>	Mariam Abdul Kadir Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia
<b>Sidang</b>	
<b>Pengarang:</b>	Shahar Banun Jaafar, PNM Haji Wan Ali Wan Mamat, PNM Haji Ibrahim Ismail, UM Rogayah Mohd. Yassin, UKM Raja Masittah Raja Ariffin, DBP Salimah Abdul Rahman, PNM
<b>Urusetia:</b>	Perpustakaan Negara Malaysia Pusat Manuskrip Melayu 232, Jalan Tun Razak 50572 Kuala Lumpur Tel: 2943488 2924079 (talian terus)